

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JUARA MARIN SDN BHD
KG. ACEH, PERAK
(329902 X)

SALILA WATI BT. ALI

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100032954

c/n: 1919

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang <i>Saila Wah</i> <i>bt. Ali</i>	No. Panggilan <i>LP 18 FPE 13</i>		
Judul <i>Industri di Indra</i> <i>marin sdn bhd</i>	2004		
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

NH / 1919

1100032954 UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

LI 13 FPE 3 2004



1100032954

Laporan akhir latihan industri di Juara Marin Sdn. Bhd, Kg. Acheh, Perak / Salila Wati Ali.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

DE
3
2007

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JUARA
MARIN SDN BHD
KG. ACHEH, PERAK
(329902 X)

DISEDIAKAN OLEH:

SALILA WATI BT. ALI
Sarjana Muda Pengurusan
(Pengurusan Maritim)

Laporan Latihan Diserahkan Kepada:

Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100032954

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **SALILA WATI BINTI ALI** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: SALILA WATI BINTI ALI

Tarikh: 30 September 2004

Disahkan oleh:


En. Madzli bin Haji Harun

b/p Pengurus Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnianya berjaya saya menjalankan Program Latihan Industri dengan lancar seperti yang dirancangkan.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk meluahkan terima kasih saya kepada pihak-pihak terlibat yang telah banyak membantu saya dalam menjayakan Program Latihan Industri dan Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab menerima saya sebagai pelatih dalam menjalani latihan industri iaitu Syarikat Juara Marin Sdn Bhd kerana telah memberi peluang untuk saya menjayakan program ini di tempat mereka.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada En. Madzli b. Harun selaku penyelia KUSTEM yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan garis panduan dalam usaha penyediaan laporan akhir ini.

Tidak dilupakan juga kepada orang yang telah banyak membantu dan memberikan input-input berguna kepada saya sepanjang saya bergelar pelatih di Juara Marin Sdn Bhd iaitu En Ariffin B. Idris yang bertindak selaku penyelia industri saya sepanjang tempoh latihan industri dijalankan.

Sekalung ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada staf-staf di Juara Marin Sdn Bhd atas masa yang diluangkan dan segala tunjuk ajar yang telah diberikan.

Selain itu jutaan terima kasih saya ucapkan kepada keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan dalam segala segi dalam usaha saya menjayakan Program Latihan Industri ini.

Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dari awal hingga akhir sepanjang tempoh latihan industri dijalankan sehingga siapnya laporan akhir ini.

Semoga apa yang dilakukan akan mendapat keberkatan dari-Nya.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PRAKATA	iv
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1.0 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Ringkas Juara Marin Sdn Bhd	1
1.1.2 Penubuhan	2
1.1.3 Bentuk Pemilikan Syarikat	2
1.1.4 Tumpuan Pasaran	3
1.1.5 Pendekatan Memajukan Syarikat	3
1.2.0 Kemudahan JMSB	4
1.3.0 Misi Korporat	6
1.4.0 Maklumat Organisasi	7
1.4.1 Senarai Nama Carta Organisasi Syarikat	9
1.5.0 Aktiviti Syarikat	10
1.5.1 Perkhidmatan Menyewa Kapal	10
1.5.2 Membekalkan Produk	12
1.5.3 Perkhidmatan Penyewaan Aset dan Fasiliti	14
1.5.4 Operasi Darat	17
1.6.0 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari & Matlamat Yang Ingin Dicapai	17
1.6.1 Kemahiran Mengurus Dokumen	18
1.6.2 Kemahiran Memahami Pelayaran	20
1.6.3 Kemahiran Memplot Peta Pelayaran	21
1.6.4 Kemahiran Komunikasi	21
1.6.5 Membuat Audit Dalaman	22

BAB 2 ANALISIS SISTEM KERJA

2.0.0	Analisis Sistem Di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran (Permohonan Perakuan Pengiktirafan-COR)	23
2.1.0	Pengenalan	23
2.2.0	Sistem Kerja di Bahagian Pengurusan & Pentadbiran (Permohonan COR)	25
2.3.0	Penerangan Sistem Kerja Pelatih	28
2.3.1	Membuat Semakan <i>On-line</i>	28
2.3.2	Mengisi Borang Pemeriksaan Perubatan dan Melakukan Pemeriksaan Perubatan	29
2.3.3	Mengisi Borang COR	30
2.3.4	Sediakan Surat Iringan	31
2.3.5	Sediakan Dokumen Sokongan	31
2.3.6	Serahkan Dokumen ke Jabatan Laut	32
2.3.7	Urusan Pembayaran	33
2.3.8	Akuan Penerimaan/Pemakluman Bertulis	34
2.3.9	Menerima COR	34
2.4.0	Pengenalpastian Masalah	35
2.4.1	Jawatan Yang Dipohon Tidak Sesuai Dengan Kelayakan	35
2.4.2	Cadangan Penyelesaian dan Pelaksanaan Cadangan	36
2.4.3	Implikasi	37
2.5.0	Pengenalpastian Masalah	38
2.5.1	Gagal Pemeriksaan Perubatan	38
2.5.2	Cadangan Penyelesaian dan Pelaksanaan Cadangan	39
2.5.3	Implikasi	40
2.6.0	Pengenalpastian Masalah	41
2.6.1	Kekurangan Kakitangan	41
2.6.2	Cadangan Penyelesaian	42
2.6.3	Implikasi	42

2.7.0	Pengenalpastian Masalah	43
2.7.1	Audit Dalaman Tidak Mengikut Kekerapan Yang Diperuntukan	43
2.7.2	Cadangan Penyelesaian	44
2.7.3	Implikasi	45

BAB 3 KESIMPULAN DAN HARAPAN

3.0.0	Kesimpulan dan Harapan	46
3.1.0	Kesimpulan	46

RUJUKAN LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

PERKARA		MUKA SURAT
Rajah 2.0	Sistem Kerja di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran (Permohonan Perakuan Pengiktirafan-COR)	26
Rajah 2.1	Sistem Kerja Pelatih	27

PRAKATA

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) menyediakan kursus Latihan Industri (PGN 4799) kepada siswa-siswi tahun akhir sebagai syarat untuk mereka lulus bergraduat dalam jurusan masing-masing.

Bagi Sarjana Muda Pengurusan Maritim, kursus ini melibatkan 6 jam kredit dimana ia dijalankan dalam masa cuti panjang sesi pengajian iaitu sepanjang tempoh masa 12 minggu dari tarikh 22 Mac hingga 12 Jun 2004.

Tujuan utama Latihan Industri ini adalah untuk memberikan pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing serta mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan sebenar.

Setiap pelatih dibekalkan dengan buku log untuk merekodkan semua aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh Latihan Industri dijalankan dan buku log tersebut akan dijadikan rujukan penyelia KUSTEM sewaktu kunjungan mereka ke tapak Latihan Industri.

Setelah selesai menjalani Latihan Industri, pelatih dikehendaki untuk menyediakan laporan akhir berkenaan Latihan Industri yang telah dijalankan

dan seterusnya mengadakan sesi perbentangan bagi menerangkan hasil dapatan dan laporan yang telah disediakan.

Bagi kursus PGN 4799 ini, pelatih telah ditempatkan untuk menjalani Latihan Industri di sebuah syarikat perkapalan di Kg. Acheh, Lumut Perak iaitu Juara Marin Sdn Bhd (JMSB). Sepanjang menjalani Latihan Industri di JMSB, pelatih diletakkan di bawah Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran di bawah seliaan En. Mohd Ariffin b. Idris. Pelatih mendapat bimbingan sepenuhnya berkaitan pengurusan maritim daripada beliau disamping pihak-pihak lain yang turut membantu.

JMSB merupakan sebuah agensi perkapalan yang menyediakan perkhidmatan menyewa bot tunda dan tongkang. Ini akan memberi kelebihan kepada pelatih untuk menambahkan lagi pengetahuan dan mendedahkan lagi dengan suasana pekerjaan dalam bidang maritim.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Juara Marin Sdn Bhd (JMSB) ditubuhkan pada 7 Januari 1995 di Kawasan Perindustrian Lumut, Kg. Acheh, Perak dan merupakan salah sebuah anak syarikat kepada Ding Kong Ling & Sons (DKLS) Sdn Bhd yang berdaftar di papan utama Bursa Malaysia sejak 2001. Perniagaan utama yang dijalankan oleh syarikat ini ialah menyediakan perkhidmatan menyewa bot tunda dan tongkang kepada mana-mana syarikat yang ingin mengangkut kargo dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Terdapat juga perkhidmatan lain yang disediakan seperti mambekalkan minyak, produk kuari seperti arang batu, gypsum, batu bara, pasir dan sebagainya. Terdapat 3 Jabatan utama di Syarikat Juara Marin Sdn Bhd iaitu jabatan pentadbiran, jabatan operasi dan jabatan logistik. Setiap jabatan mempunyai tugas-tugasnya yang tersendiri. Semasa menjalani latihan industri, pelatih ditempatkan di ketiga-tiga jabatan ini mengikut minggu seperti yang dijadualkan. Walaubagaimanapun, jabatan utama yang ditempatkan ialah jabatan pengurusan dan pentadbiran. Sepanjang tempoh latihan, beberapa masalah sistem kerja di jabatan yang ditempatkan dapat dikenalpasti terutamanya di jabatan pegurusan dan pentadbiran yang melibatkan dokumen-dokumen kapal dan krew kapal iaitu masalah dokumen Perakuan Pengiktirafan (COR) untuk krew dan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) untuk kapal yang akan menyebabkan sesebuah pelayaran itu terpaksa dibatalkan. Kesannya akan menyebabkan syarikat akan mengalami kerugian kerana terpaksa menolak sesuatu pelayaran yang merupakan punca utama keuntungan syarikat. Melalui laporan akhir ini, pelatih dapat memberikan pandangan dan cadangan bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan harapan akan dapat membantu pihak syarikat dalam memajukan lagi syarikat. Akhir sekali diharapkan agar segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan akan sedikit sebanyak dapat memberi ilham kepada pihak syarikat untuk menghapuskan segala kelemahan yang ada dan berupaya mencari peluang yang lebih baik untuk memajukan syarikat ke peringkat yang lebih baik.